

## Aplikasi Kemahiran Peneguhan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kesusasteraan Melayu Bakal Guru Bahasa Melayu

Ainurrahmah Abdullah<sup>1</sup>, Fadzilah Abd Rahman<sup>2\*</sup> & Mazmin Mohd<sup>3</sup>

<sup>1,2</sup> Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

<sup>3</sup> Akademi Sains Malaysia, Menara Matrade, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia

### ABSTRAK

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) berkesan berlaku apabila guru dapat menguasai setiap aspek kemahiran dalam pengajaran bagi merangsang minat murid di dalam kelas. Salah satu kemahiran tersebut adalah kemahiran peneguhan. Kurangnya penguasaan guru terhadap kemahiran ini membawa kepada masalah seperti masalah kawalan kelas, maklum balas yang kurang jelas dan disiplin di dalam bilik darjah. Oleh itu, kajian ini dijalankan terhadap pelajar Bachelor Pendidikan Pengajaran Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Pertama (PBMP) bagi mengenal pasti pengetahuan, kesedaran dan kesediaan bakal guru PBMP terhadap aplikasi kemahiran peneguhan dalam PdP Kesusasteraan Melayu (KM) suatu hari nanti. Kajian ini merupakan kajian tinjauan deskriptif berpendekatan kuantitatif dengan pemilihan persampelan bertujuan. Seramai 28 orang pelajar Semester 7, telah menjadi responden bagi kajian ini bagi menjawab instrumen soal selidik. Dapatan kajian menunjukkan pengetahuan bakal guru PBMP terhadap aplikasi kemahiran peneguhan adalah pada tahap sederhana tinggi, tahap kesedaran bakal guru PBMP terhadap aplikasi kemahiran peneguhan dalam PdP KM adalah pada tahap tinggi dan tahap kesedaran bakal guru PBMP terhadap aplikasi kemahiran peneguhan dalam PdP KM juga pada tahap tinggi. Oleh yang demikian, berdasarkan kajian ini, diharapkan bakal guru dapat menguasai aplikasi kemahiran peneguhan bagi memperkukuh minat murid dalam PdP KM.

**Kata Kunci:** Pengajaran dan Pembelajaran, Peneguhan, Kesusasteraan Melayu

### ABSTRACT

Effective teaching and learning happen when a competent teacher knows the skills needed to stimulate student's interest in the classroom. One of the skills is the reinforcement skill. The lack of knowledge about the application of reinforcement skill leads to certain problems such as classroom control, unclear feedback while teaching and discipline in the classroom. Therefore, this study was conducted on students who study Bachelor of Education Teaching Malay as A First Language (PBMP) to identify the knowledge, awareness and willingness of these students to apply the reinforcement in the teaching and learning of Malay Literature. This descriptive survey was conducted using quantitative approach by using purposive sampling. A total of 28 PBMP's students from 7th semester have participated in this study by answering the questionnaire. The results showed that the knowledge in applying reinforcement skill among them is moderately high, while the awareness and willingness of applying the reinforcement in the teaching and learning process of KM are at the high level. Thus, based on this study, it is highly expected that teachers would be able to improve the knowledge about reinforcement application to strengthen student's interest in teaching and learning process of Malay Literature subject.

**Keywords:** Teaching and Learning, Reinforcement, Malay Literature

### PENGENALAN

Terdapat pelbagai pendekatan, kaedah, strategi dan teknik dalam pengajaran dan pembelajaran. Setiap guru perlu mengetahui akan kepentingan elemen ini sebagaimana dikatakan oleh Rozaiman et. al. (2011) bahawa guru mata pelajaran Kesusasteraan Melayu (KM) perlu memiliki pengetahuan kandungan untuk mengajarkan KM sebagai subjek elektif. Oleh itu, pengetahuan perlu selaras bagi mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang optimum. Bagi bakal guru pula, sebelum melangkah ke realiti pengajaran di sekolah, mereka

\* Corresponding author: [dzila@upm.edu.my](mailto:dzila@upm.edu.my)  
eISSN: 2462-2079 © Universiti Putra Malaysia Press

akan menjalani pengajaran mikro. Terdapat beberapa kemahiran dalam pengajaran mikro yang perlu dikuasai oleh bakal guru sebelum menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran sebenar. Kemahiran-kemahiran tersebut ialah induksi set, penggunaan papan tulis, variasi rangsangan, penyoalan, peneguhan, mengilustrasi menggunakan contoh, penerangan, apresiasi, penggunaan bahan bantu mengajar dan penutup.

Berdasarkan fokus kajian ini, penguasaan guru terhadap aplikasi kemahiran- kemahiran peneguhan adalah penting kerana peneguhan dan maklum balas yang diberikan guru terhadap murid memberi kesan terhadap perubahan perlakuan murid. Mohamad Khairudin, Rohaida, Zulkifli, Noor Naemah dan Durriyyah Sharifah (2014) mendefinisikan peneguhan positif sebagai satu rangsangan yang diberikan kepada seorang murid supaya sesuatu tingkah laku diulangi atau kebarangkalian perakara ini dilakukan manakala peneguhan negatif pula adalah pemberian bentuk suatu rangsangan yang tidak selesa atau menyakitkan kepada sesuatu tingkah laku yang mendorong murid meningkatkan tingkah laku yang dapat mengelak atau mengurangkan keadaan tidak selesa tersebut. Maklum balas dalam konteks peneguhan menurut Suzana dan Jamil (2011) merupakan maklumat berpengetahuan yang diberikan guru kepada murid terhadap aktiviti pentaksiran formatif seperti tugas, kerja bertulis, latihan, kerja rumah, projek dan sebagainya.

Aplikasi kemahiran ini penting dalam kalangan bakal guru kerana memberi kesan kepada murid semasa di dalam bilik darjah. Kurangnya kompetensi bakal guru atau guru dalam mengaplikasi kemahiran peneguhan mengundang beberapa masalah. Kawalan kelas adalah antara masalah utama dalam bilik darjah yang berkaitan dengan amalan peneguhan dalam kalangan bakal guru. Ngu Mee Kok (2012) menyatakan bahawa keadaan murid yang tidak mendengar arahan, tidak menghantar kerja rumah, bising dan berbual dengan kawan menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran tidak berjalan dengan lancar. Hal ini memperlihatkan akan pentingnya pengetahuan, kesedaran dan kesediaan para guru dan bakal guru khususnya untuk memperkasa diri dengan kemahiran peneguhan bagi mengatasi masalah seperti kawalan kelas ini. Kelas yang tidak terkawal membawa kemudaratan pada kemudian hari apabila guru tidak dapat mencapai objektif pengajaran.

Selain itu, disiplin murid dan kesediaan guru untuk menggunakan pendekatan bersesuaian juga mendorong kepada permasalahan ini. Kamilia (2012) mengulas bahawa pada kebiasaannya, guru-guru mengalami masalah keyakinan disebabkan tiada pengalaman mengajar atau kemahiran yang khusus dalam bidang tersebut. Hal ini jelas memperlihatkan kurangnya kesediaan guru dalam aspek kemahiran mengajar, apatah lagi kemahiran peneguhan yang ingin diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Seterusnya, Khairul Anwar (2014) menyatakan bahawa faktor yang menghalang kompetensi atau kecekapan guru pelatih adalah kurangnya kesedaran, keinginan dan kesanggupan mereka dalam melaksanakan tugas untuk meningkatkan kecekapan dan kemahiran. Hal ini memberi kesan kepada kualiti dan keberkesanan pengajaran di dalam bilik darjah. Berdasarkan masalah-masalah ini, pengkaji telah mengenal pasti bahawa pengetahuan, kesedaran dan kesediaan guru dalam pelaksanaan kemahiran peneguhan semasa PdP mempengaruhi murid dalam bilik darjah terutama dari segi prestasi dan tingkah laku mereka. Dalam konteks kajian ini, kemahiran peneguhan merupakan teknik mengajar pada peringkat penilaian dalam proses pengajaran dan pembelajaran KM kepada bakal guru PBMP. Kemahiran ini dilihat sebagai salah satu kepentingan dalam penggunaannya semasa proses pengajaran dan pembelajaran supaya murid dapat mengubah perlakuan ke arah meningkatkan pencapaian yang positif. Oleh itu, maklum balas adalah respon atau tindakan yang dilakukan oleh guru mahu pun murid untuk melihat dan menyatakan pendapat terhadap perubahan sesuatu tindakan atau kejadian semasa proses pengajaran dan pembelajaran KM.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Dalam melaksanakan kajian ini, terdapat tiga objektif yang ingin pengkaji lihat iaitu:-

- i. mengenal pasti tahap pengetahuan bakal guru PBMP tentang penggunaan kemahiran peneguhan dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu.
- ii. mengenal pasti tahap kesedaran bakal guru PBMP terhadap penggunaan kemahiran peneguhan dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu.
- iii. mengenal pasti tahap kesediaan bakal guru PBMP terhadap penggunaan kemahiran peneguhan dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu.

## **SOROTAN LITERATUR**

Berdasarkan kajian lepas, dapatan yang dihasilkan tentunya berbeza-beza mengikut objektif kajian. Kajian terkini berkaitan tajuk kajian ini dijalankan oleh Mohamad Khairudin et al. (2014). Kajian yang bertajuk “Pendekatan Peneguhan Bagi Aktiviti Hafalan Al-Quran dalam Kalangan Pelajar di Peringkat Menengah Rendah” ini dijalankan secara kualitatif dengan menemu bual secara berstruktur sebagai sumber utama data.

Seramai 10 orang murid Tingkatan Dua yang telah berpengalaman menerima ganjaran semasa di Tingkatan Satu dan enam orang guru di peringkat menengah rendah telah dijadikan informan bagi kajian ini.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian mencatatkan bahawa dengan menjadikan peneguhan sebagai pendekatan bagi aktiviti hafalan al-Quran telah meningkatkan lagi prestasi hafalan dalam kalangan murid sama ada peneguhan positif mahu pun negatif. Dapatan kajian mencatatkan bahawa amalan pemberian penghargaan secara verbal (penghargaan pujian dan hadiah kepada rakan sekelas yang cekap menghafal) yang diamalkan ketika kelas hafalan al-Quran menjadikan murid yang lemah dalam hafalan turut bersemangat untuk menghafal. Bagi peneguhan negatif pula, guru turut memberikan dendaan ringan, seperti berdiri di permulaan kelas. Murid yang berjaya mengulang hafalan akan dibenarkan duduk dan begitulah hal yang sebaliknya. Dengan terlaksananya peneguhan negatif ini, murid akan lebih gigih untuk menghafal dan mengulang hafalan.

Kajian lain berkaitan peneguhan dan maklum balas dalam pengajaran dan pembelajaran dijalankan oleh Jamalullail et al. (2013) untuk mengenal pasti jenis dan tahap tingkah laku yang menimbulkan gangguan di dalam bilik darjah serta tahap pendekatan peneguhan negatif yang digunakan oleh guru bagi menangani dan mengurus masalah ini. Soal selidik telah digunakan untuk mengumpul data dan dianalisis menggunakan statistik deskriptif (ANOVA Sehalu) terhadap guru-guru sekolah menengah kebangsaan di Zon A, Miri, Sarawak.

Dapatan kajian menunjukkan amalan peneguhan negatif dalam bentuk amaran lebih tinggi berbanding bentuk peneguhan lain seperti marah atau hukuman. Guru menggunakan peneguhan negatif bagi mengawal gangguan tingkah laku murid dengan meminta mereka melakonkan semula tingkah laku tersebut. Tindakan yang digunakan oleh guru juga berbeza-beza mengikut pengalaman mengajar mereka. Secara keseluruhannya, selepas pelaksanaan peneguhan negatif, murid masih bertingkah laku negatif, namun terdapat perubahan tingkah laku ke arah yang lebih baik. Kajian ini juga menjelaskan tentang pentingnya guru melaksanakan peneguhan pada masa akan datang dan langkah yang sesuai bagi memastikan keberkesannya dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Kajian Arsaythamby dan Mary (2013) telah dijalankan untuk melihat kesan penyeliaan terhadap prestasi pengajaran guru sekolah menengah di Sabah. Kajian melibatkan 33 orang guru yang prestasinya diukur berdasarkan penguasaan kemahiran-kemahiran dalam pengajaran mikro. Dapatan kajian bagi kesan aplikasi kemahiran peneguhan, penglibatan murid pascapencerapan adalah tinggi berbanding penglibatan murid prapencerapan semasa pengajaran guru. Hal ini jelas memperlihatkan bahawa aplikasi peneguhan meningkatkan perubahan prestasi tingkah laku murid di dalam bilik darjah semasa pengajaran dan pembelajaran.

Seterusnya, kajian Ngu Mee Kok (2012) telah dijalankan bagi melihat keberkesanan kawalan kelas melalui kaedah ganjaran dan hukuman terhadap murid. Dapatan kajian mencatatkan bahawa kaedah ganjaran dan hukuman yang dilaksanakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran adalah berkesan bagi meningkatkan minat murid dalam pengajaran dan pembelajaran. Responden dalam kajian ini terdiri daripada 45 orang murid Tahun Tiga dari sebuah sekolah rendah di Kuching. Kajian ini menggunakan instrumen yang terdiri daripada temu bual, soal selidik dan pemerhatian ini.

Ngu Mee Kok (2012) mendapati bahawa responden telah menunjukkan perubahan dari segi tingkah laku negatif di dalam kelas kepada yang positif ekoran penggunaan kaedah ganjaran dan hukuman. Murid lebih gembira setelah guru memperkenalkan kaedah ganjaran dan hukuman walaupun pada mulanya sukar untuk mereka memberikan kerjasama. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa dari segi kerjasama di dalam kelas, murid hanya memilih untuk melakukan aktiviti bersama-sama dengan rakan baik, namun mereka terpaksa bekerjasama dengan rakan sekelas yang lain setelah guru melaksanakan kaedah ini. Di sebalik kerjasama tersebut, terdapat murid yang tidak bersetuju dan berdiam diri. Setelah mendapatkan maklum balas, guru memberikan kata-kata perangsang dan murid mula melibatkan diri. Secara keseluruhannya, kaedah ganjaran dan hukuman telah berjaya meningkatkan minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan.

Kajian lain yang berkaitan telah dijalankan oleh Jefridin (2012) yang melihat maklum balas guru semasa pengajaran Bahasa Arab di dalam bilik darjah terhadap tingkah laku murid. Kajian kualitatif ini melibatkan seorang guru Bahasa Arab dan sebuah kelas Tingkatan Empat. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa kesan maklum balas terhadap tingkah laku murid dapat dilihat dengan jelas dari segi sumbangan maklumat, berlakunya wacana, melengkapkan maklumat, pembetulan, isyarat kefahaman dan tiada respon lanjut. Berdasarkan kajian, bagi konteks tiada respon lanjut, kesan maklum balas guru telah menyebabkan murid mula memberi respon apabila guru berupaya mengesan kelemahan murid, iaitu tidak memahami soalan yang dikemukakan memandangkan Bahasa Arab ialah bahasa asing. Maklum balas yang diberikan guru adalah dengan membimbing murid mendapatkan jawapan dengan betul apabila guru mengubah soalnya menjadi lebih mudah difahami. Sekiranya murid masih tidak dapat memberi respon, guru akan memberikan jawapan dan menghuraikannya.

Kajian lain yang dijalankan oleh Nurul Ain dan Azizi (2012) telah mendapati bahawa faktor pemberian gred mempengaruhi motivasi intrinsik seseorang murid. Berdasarkan dapatan, pengkaji kajian ini telah membuktikan sokongan daripada Siti Noorshahliza yang berpendapat bahawa pemberian gred yang bersesuaian merupakan peneguhan yang positif. Secara tidak langsung, dapatan ini memperlihatkan situasi yang membolehkan murid memberikan maklum balas yang baik seterusnya meningkatkan pencapaian murid lebih cemerlang dalam akademik.

Kajian yang dijalankan oleh Suzana dan Jamil (2011) pula adalah bagi mengenal pasti bentuk maklum balas pentaksiran formatif yang diamalkan oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran subjek Geografi. Kajian dijalankan dengan memilih dua orang guru mata pelajaran Geografi yang menyampaikan maklum balas secara lisan di sebuah sekolah menengah di Perak. Dapatan menunjukkan bahawa perhatian dan minat murid telah ditingkatkan kerana guru memahami bahawa maklum balas secara serta-merta penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Hal ini sekali lagi jelas membuktikan bahawa guru sedar akan kepentingan peneguhan dan maklum balas dalam pengajaran dan pembelajaran.

Ab. Halim dan Mohamad Khairul Azman (2010) dalam kajian mereka berpendapat bahawa guru perlu mempunyai kemahiran mengajar, termasuk menghubungkan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam pengajarannya. Kamarul Azmi dan Ab. Halim dalam Ab. Halim dan Mohamad Khairul Azman (2010) juga berpendapat bahawa kemahiran mengajar meliputi aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian dengan tujuan menyebarkan ilmu pengetahuan atau kemahiran kepada murid-murid dengan berkesan, iaitu menggunakan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik mengajar berlandaskan teori pengajaran dan pembelajaran.

Bukan itu sahaja, Ab. Halim dan Mohamad Khairul Azman (2010) juga berpendapat bahawa kemahiran mengajar yang dilaksanakan melalui penggunaan ilmu pengetahuan serta kemahiran dan diakhiri dengan aktiviti peneguhan serta pengukuhan akan menjadikan pengajaran lebih sistematik. Hal ini kerana, menurut kedua-dua pengkaji, guru bukan sahaja perlu bersedia dari aspek kemahiran mengajar dan penguasaan ilmu, malah perlu bijak menggunakan motivasi berdasarkan teori-teori yang sesuai supaya murid menunjukkan minat terhadap pengajaran serta proses pemindahan ilmu.

Oleh itu, hal ini menunjukkan bahawa pengetahuan bakal guru dalam kemahiran peneguhan merupakan sesuatu yang penting bagi memastikan proses pengajaran lebih bersistematik. Proses pemindahan ilmu dapat dilaksanakan dengan berjaya sekiranya bakal guru mengetahui perkara asas tentang kemahiran peneguhan. Justeru, wajarlah bakal guru melengkapkan diri dengan pengetahuan mengenai kemahiran peneguhan.

Selain itu, kemahiran peneguhan yang dikuasai oleh bakal guru juga dapat menjamin suasana pembelajaran yang positif. Penguasaan pelbagai kemahiran dalam pengajaran oleh bakal guru akan menjadikan pengajaran lebih menarik. Kajian oleh Mohammad Yusof dan Nurul Izzah (2010) menunjukkan bahawa proses ke arah mewujudkan persekitaran pembelajaran yang positif haruslah diperkasakan oleh guru pelatih kerana dengan cara ini pengajaran akan lebih menarik dan murid tidak akan bosan untuk belajar di dalam kelas.

Oleh yang demikian, dalam konteks kajian ini, bakal guru seharusnya memperkasakan diri dengan pelbagai kemahiran agar dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang positif seterusnya menjadikan pembelajaran lebih menarik dan tidak membosankan murid.

Demikianlah sorotan kajian berkaitan tajuk kajian. Berdasarkan kajian ini, dapat dilihat akan kepentingan untuk guru mengetahui, memahami, menyedari dan bersedia untuk melaksanakan peneguhan dalam pengajaran dan pembelajaran. Pelaksanaan peneguhan dan maklum balas dapat membantu murid untuk meningkatkan perubahan tingkah laku dan prestasi ke arah lebih positif. Bagi konteks kajian ini, kajian terhadap bakal guru dijalankan bagi melihat pengetahuan, kesedaran dan kesediaan golongan ini bagi melaksanakan peneguhan dan maklum balas.

## **METODOLOGI**

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap pengetahuan, kesedaran dan kesediaan bakal guru PBMP terhadap keperluan aplikasi kemahiran peneguhan dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu. Sehubungan dengan itu, reka bentuk kajian deskriptif melalui kaedah tinjauan berpendekatan kuantitatif dengan menggunakan soal selidik telah dipilih bagi menjayakan kajian ini. Aspek-aspek yang dilihat ialah latar belakang responden, iaitu jantina dan bangsa, pengetahuan responden tentang aplikasi peneguhan, kesedaran responden terhadap aplikasi peneguhan dalam PdP KM dan aspek kesediaan responden untuk melaksanakan kemahiran peneguhan dalam PdP KM.

Pemilihan responden sebagai sampel kajian adalah berdasarkan jadual penentu sampel Krejcie dan Morgan (1970) yang telah menetapkan sampel seramai 28 orang bagi populasi yang berjumlah 30 orang. Teknik persampelan yang digunakan ialah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) terhadap 28 orang pelajar semester 7 program pendidikan Bahasa Melayu di sebuah Universiti Tempatan. Instrumen soal selidik telah digunakan bagi mendapatkan maklumat dan data yang diperlukan. Sebahagian besar instrumen soal selidik dibina dan diubah suai mengikut fokus kajian berdasarkan soal selidik maklum balas Universiti of Reading (2009), University of Sheffield. Instrumen asal ini merupakan instrumen maklum balas yang lengkap dari segi sebelum permulaan sesuatu kursus, seterusnya aspek masa pelaksanaan kursus, kesediaan pengajar dan pascakursus. Soal selidik terdiri daripada empat bahagian, iaitu Bahagian A adalah bertumpu kepada latar belakang responden, Bahagian B bertumpu kepada tahap pengetahuan responden tentang kemahiran peneguhan, Bahagian C pula bertumpu kepada tahap kesedaran responden terhadap aplikasi kemahiran peneguhan dalam pengajaran dan pembelajaran KM dan Bahagian D bertumpu kepada tahap kesediaan responden terhadap aplikasi kemahiran peneguhan dalam pengajaran dan pembelajaran KM.

Bagi tujuan analisis data, pengkaji menggunakan analisis data berkomputer. Perisian yang digunakan ialah perisian SPSS versi 22. Hasil dibentangkan dalam bentuk statistik deskriptif yang merangkumi jadual yang menerangkan kekerapan, min, sisihan piawai dan peratusan. Interpretasi skor min dilakukan dengan merujuk jadual interpretasi skor min oleh Nunnally dalam Mohd Najib (2003) seperti dalam jadual 1 berikut:

JADUAL 1  
Jadual Interpretasi Skor Min (Nunnally, 1994)

JULAT SKOR MIN	TAHAP
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana rendah
3.01 – 4.00	Sederhana tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

## DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini memaparkan secara rinci dapatan kajian bagi memenuhi objektif kajian ini. Analisis diperoleh berdasarkan soal selidik yang telah diedarkan kepada pelajar semester 7, Bachelor Pendidikan (PBMP) sebagai responden.

### Latar Belakang Responden

Berdasarkan latar belakang responden, didapati bahawa semua responden yang dikaji ialah bakal guru PBMP yang merupakan pelajar semester 7, Bachelor Pendidikan (PBMP) yang terdiri daripada dua bangsa, iaitu Melayu seramai 26 orang (92.9%) dan Cina seramai dua orang (7.1%). Dari segi jantina pula, responden lelaki adalah seramai tiga orang (10.7%) dan bakinya seramai 25 orang (89.3%) ialah responden perempuan.

### Pengetahuan Bakal Guru tentang Kemahiran Peneguhan

Hasil dapatan 1 (Jadual 2) memaparkan dapatan berdasarkan objektif 1 kajian ini, tahap pengetahuan bakal guru tentang kemahiran peneguhan. Jadual 1 menunjukkan dapatan bagi objektif kajian yang pertama, iaitu pengetahuan bakal guru PBMP tentang kemahiran peneguhan. Item pertama (terdapat elemen peneguhan dalam pengajaran dan pembelajaran) mencatatkan jumlah min tertinggi, iaitu sebanyak 4.39 dengan sisihan piawai sebanyak .567. Data menunjukkan seramai 15 orang responden memilih skala setuju dan 12 orang memilih skala sangat setuju bagi pernyataan ini dan baki seorang responden memilih jawapan pada skala tidak pasti. Item bagi pernyataan ketiga pula mencatatkan pada tahap kedua tertinggi dengan jumlah min sebanyak 4.36 dengan sisihan piawai sebanyak .559. Data menunjukkan seramai 16 orang responden memilih skala setuju dan 11 orang memilih skala sangat setuju bagi pernyataan ini dan baki seorang responden memilih jawapan pada skala tidak pasti.

Skor terendah bagi objektif pertama dicatatkan melalui pernyataan pada item nombor enam (demerit merupakan contoh peneguhan positif) dengan jumlah min = 2.39 dan sisihan piawai = 1.133. Jumlah responden yang memilih skala tidak setuju merupakan jumlah tertinggi, iaitu seramai 12 orang daripada 28 orang responden. Pernyataan bagi item nombor sembilan (murid mengemukakan jawapan ialah contoh peneguhan negatif) mencatatkan jumlah min kedua terendah, iaitu sebanyak 2.43 dengan sisihan piawai sebanyak 1.260 sekaligus mencatatkan tahap pengetahuan responden bagi pernyataan ini adalah pada tahap sederhana rendah.

Jumlah min keseluruhan bagi objektif pertama adalah 3.82 dan jumlah keseluruhan sisihan piawai adalah sebanyak 0.411.

JADUAL 2

Tahap Pengetahuan Responden Tentang Kemahiran Peneguhan

Bil	Item	Skala					Min	SP	Tahap
		STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)			
1.	Terdapat elemen peneguhan dalam pengajaran dan pembelajaran.			1 (3.6)	15 (53.6)	12 (42.9)	4.39	.567	Tinggi
2.	Terdapat perbezaan antara elemen pengukuhan dan peneguhan dalam pengajaran dan pembelajaran.			1 (3.6)	18 (64.3)	9 (32.1)	4.29	.535	Tinggi
3.	Terdapat dua jenis peneguhan iaitu peneguhan positif dan peneguhan negatif.			1 (3.6)	16 (57.1)	11 (39.3)	4.36	.559	Tinggi
4.	Peneguhan positif merupakan perubahan tingkah laku yang menghasilkan rangsangan positif.				18 (64.3)	10 (35.7)	4.36	.488	Tinggi
5.	Peneguhan negatif merupakan perubahan tingkah laku yang menyebabkan rangsangan negatif.		3 (10.7)	3 (10.7)	14 (50.0)	8 (28.6)	3.96	.922	Sederhana tinggi
6.	Demerit merupakan contoh peneguhan positif.	6 (21.4)	12 (42.9)	4 (14.3)	5 (17.9)	1 (3.6)	2.39	1.133	Sederhana rendah
7.	Pujian merupakan contoh peneguhan positif.				18 (64.3)	10 (35.7)	4.36	.488	Tinggi
8.	Meminta murid mendeklamasikan sajak di hadapan kelas kerana bising adalah contoh peneguhan negatif.		8 (28.6)	5 (17.9)	13 (46.4)	2 (7.1)	3.32	.983	Sederhana tinggi
9.	Memberikan senyuman apabila murid mengemukakan jawapan adalah contoh peneguhan negatif.	8 (28.6)	9 (32.1)	3 (10.7)	7 (25.0)	1 (3.6)	2.43	1.260	Sederhana rendah
10.	Menghadelphiakan set alat tulis adalah peneguhan positif.		1 (3.6)		17 (60.7)	10 (35.7)	4.29	.659	Tinggi
	Jumlah keseluruhan						3.82	0.411	Sederhana tinggi

Petunjuk:

1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = tidak pasti, 4 = setuju dan 5 = sangat setuju

**Tahap Kesedaran Bakal Guru PBMP terhadap Kemahiran Peneguhan dalam PdP KM**

Jadual 3 menunjukkan dapatan berdasarkan objektif 2 kajian ini, iaitu kepada tahap kesedaran responden terhadap aplikasi kemahiran peneguhan dalam pengajaran dan pembelajaran KM. Hasil daripada analisis, didapati bahawa Item bagi pernyataan nombor dua (peneguhan dapat mengubah tingkah laku murid ke arah yang lebih positif) dan pernyataan nombor tiga (peneguhan dapat meningkatkan minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran) mencatatkan jumlah min tertinggi = 4.46 dan sisihan piawai = .508. Item yang mencatatkan jumlah min kedua tertinggi = 4.43 dan sisihan piawai = .504 ialah pernyataan nombor enam (peneguhan dapat meningkatkan komunikasi dua hala antara murid dan guru).

Penyataan yang mencatatkan jumlah min terendah bagi dapatan berdasarkan objektif kedua ini ialah penyataan nombor tujuh (peneguhan dapat meningkatkan kefahaman murid terhadap proses pengajaran dan pembelajaran) dengan jumlah min sebanyak 4.25 dan sisihan piawai = .585. Item yang mencatatkan jumlah min kedua terendah ialah penyataan nombor satu (peneguhan dapat mengelakkan murid daripada lalai semasa proses pengajaran dan pembelajaran) dengan jumlah min sebanyak 4.25 dan sisihan piawai = .585.

Secara keseluruhannya, bagi objektif kedua, jumlah min adalah 4.36 dan sisihan piawai adalah sebanyak 0.389. Berdasarkan interpretasi skor min Nunnally (1990), tahap kesedaran responden terhadap aplikasi kemahiran peneguhan dalam pengajaran dan pembelajaran KM adalah di tahap tinggi.

### JADUAL 3

#### Tahap Kesedaran Responden Terhadap Kemahiran Peneguhan dalam Pdp KM

Bil.	Item	Skala					Min	SP	Tahap
		STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)			
1.	Peneguhan dapat mengelakkan murid daripada lalai semasa proses pengajaran dan pembelajaran.		1 (3.6)		18 (64.3)	9 (32.1)	4.25	.645	Tinggi
2.	Peneguhan dapat mengubah tingkah laku murid ke arah yang lebih positif.				15 (53.6)	13 (46.4)	4.46	.508	Tinggi
3.	Peneguhan dapat meningkatkan minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran.				15 (53.6)	13 (46.4)	4.46	.508	Tinggi
4.	Peneguhan dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.			1 (3.6)	16 (57.1)	11 (39.3)	4.36	.559	Tinggi
5.	Guru perlu menguasai kemahiran peneguhan.			1 (3.6)	16 (57.1)	11 (39.3)	4.36	.629	Tinggi
6.	Peneguhan dapat meningkatkan komunikasi dua hala antara murid dan guru.				16 (57.1)	12 (42.9)	4.43	.504	Tinggi
7.	Peneguhan dapat meningkatkan kefahaman murid terhadap proses pengajaran dan pembelajaran.			2 (7.1)	17 (60.7)	9 (32.1)	4.25	.585	Tinggi
8.	Peneguhan dapat menggalakkan penglibatan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran.				17 (60.7)	11 (39.3)	4.39	.497	Tinggi
9.	Mengaplikasikan kemahiran peneguhan semasa proses pengajaran dan pembelajaran sesuatu yang kreatif.			1 (3.6)	16 (57.1)	10 (35.7)	4.29	.600	Tinggi
10.	Peneguhan dapat mengukuhkan ingatan murid terhadap isi kandungan yang diajar.			2 (7.1)	14 (60.0)	12 (42.9)	4.36	.621	Tinggi
	Jumlah keseluruhan						4.36	0.389	Tinggi

#### Tahap Kesiediaan Bakal Guru PBMP terhadap Kemahiran Peneguhan dalam Pdp KM

Jadual 4 pula memaparkan analisis dapatan berdasarkan objektif ketiga kajian ini iaitu tahap kesediaan responden terhadap aplikasi kemahiran peneguhan dalam pengajaran dan pembelajaran KM. Berdasarkan analisis data, didapati bahawa item bagi penyataan nombor dua (peneguhan dapat mengubah tingkah laku murid ke arah yang lebih positif) dan penyataan nombor tiga (peneguhan dapat meningkatkan minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran) mencatatkan jumlah min tertinggi = 4.46 dan sisihan piawai = .508. Item yang

mencatatkan jumlah min kedua tertinggi = 4.43 dan sisihan piawai = .504 adalah pernyataan nombor enam (peneguhan dapat meningkatkan komunikasi dua hala antara murid dan guru).

Penyataan yang mencatatkan jumlah min terendah bagi dapatan berdasarkan objektif kedua ini ialah penyataan nombor tujuh (peneguhan dapat meningkatkan kefahaman murid terhadap proses pengajaran dan pembelajaran) dengan jumlah min sebanyak 4.25 dan sisihan piawai = .585. Item yang mencatatkan jumlah min kedua terendah ialah penyataan nombor satu (peneguhan dapat mengelakkan murid daripada lalai semasa proses pengajaran dan pembelajaran) dengan jumlah min sebanyak 4.25 dan sisihan piawai = .585.

Secara keseluruhannya, bagi objektif kedua, jumlah min adalah 4.36 dan sisihan piawai adalah sebanyak 0.389. Berdasarkan interpretasi skor min Nunnally (1990), tahap kesedaran responden terhadap aplikasi kemahiran peneguhan dalam pengajaran dan pembelajaran KM adalah di tahap tinggi.

#### JADUAL 4

Tahap Kesiediaan Responden Terhadap Kemahiran Peneguhan dalam PdP KM

Bil.	Item	Skala					Min	SP	Tahap
		STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)			
1.	Peneguhan dapat mengelakkan murid daripada lalai semasa proses pengajaran dan pembelajaran.		1 (3.6)		18 (64.3)	9 (32.1)	4.25	.645	Tinggi
2.	Peneguhan dapat mengubah tingkah laku murid ke arah yang lebih positif.				15 (53.6)	13 (46.4)	4.46	.508	Tinggi
3.	Peneguhan dapat meningkatkan minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran.				15 (53.6)	13 (46.4)	4.46	.508	Tinggi
4.	Peneguhan dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.			1 (3.6)	16 (57.1)	11 (39.3)	4.36	.559	Tinggi
5.	Guru perlu menguasai kemahiran peneguhan.			1 (3.6)	16 (57.1)	11 (39.3)	4.36	.629	Tinggi
6.	Peneguhan dapat meningkatkan komunikasi dua hala antara murid dan guru.				16 (57.1)	12 (42.9)	4.43	.504	Tinggi
7.	Peneguhan dapat meningkatkan kefahaman murid terhadap proses pengajaran dan pembelajaran.			2 (7.1)	17 (60.7)	9 (32.1)	4.25	.585	Tinggi
8.	Peneguhan dapat menggalakkan penglibatan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran.				17 (60.7)	11 (39.3)	4.39	.497	Tinggi
9.	Mengaplikasikan kemahiran peneguhan semasa proses pengajaran dan pembelajaran sesuatu yang kreatif.			1 (3.6)	16 (57.1)	10 (35.7)	4.29	.600	Tinggi
10.	Peneguhan dapat mengukuhkan ingatan murid terhadap isi kandungan yang diajar.			2 (7.1)	14 (60.0)	12 (42.9)	4.36	.621	Tinggi
	Jumlah keseluruhan						4.36	0.389	Tinggi

#### PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan analisis data yang dilakukan, didapati bahawa tahap pengetahuan bakal guru PBMP terhadap kemahiran peneguhan berada pada tahap sederhana tinggi. Namun, terdapat beberapa item yang berada pada tahap tinggi. Tahap kesedaran bakal guru terhadap aplikasi kemahiran peneguhan dalam PdP KM pula berada



pada tahap tinggi dan tahap kesediaan bakal guru terhadap aplikasi kemahiran peneguhan dalam PdP KM juga berada pada tahap tinggi.

### **Pengetahuan Bakal Guru PBMP tentang Kemahiran Peneguhan**

Melalui analisis yang dilaksanakan, didapati bahawa pengetahuan bakal guru tentang kemahiran peneguhan menunjukkan hasil dapatan yang memberangsangkan. Majoriti bakal guru menunjukkan bahawa mereka mengetahui tentang kemahiran peneguhan dengan jumlah min pada tahap sederhana tinggi. Hal ini membuktikan bahawa objektif pertama kajian ini untuk melihat pengetahuan bakal guru tentang kemahiran peneguhan telah dapat dicapai. Walaupun hasil daripada kajian-kajian lepas tidak menjurus ke arah tahap pengetahuan bakal guru tentang kemahiran peneguhan, namun pengetahuan bakal guru yang mantap terhadap kemahiran peneguhan semestinya akan menghasilkan pembelajaran yang bersistematis dan memudahkan proses pemindahan ilmu. Hal ini selari dengan penejelasan Ab. Halim dan Mohamad Khairul Azman (2010) dalam kajian mereka bahawa kemahiran mengajar yang dilaksanakan melalui penggunaan ilmu pengetahuan serta kemahiran dan diakhiri dengan aktiviti peneguhan dan pengukuhan akan menjadikan pengajaran lebih sistematis. Kemahiran ini sememangnya penting untuk diketahui dan dikuasai oleh para bakal guru untuk diaplikasikan di dalam bilik darjah suatu hari nanti.

Mohammad Yusof dan Nurul Izzah (2010) dalam kajian mereka menyatakan bahawa proses ke arah mewujudkan persekitaran pembelajaran yang positif haruslah diperkasakan oleh guru pelatih kerana dengan cara ini pengajaran akan lebih menarik dan murid tidak akan bosan untuk belajar dalam kelas. Penguasaan pelbagai kemahiran dalam kalangan bakal guru merupakan sesuatu yang perlu dititikberatkan. Hal ini kerana, bakal guru yang menguasai pengetahuan terhadap sesuatu kemahiran akan melahirkan pembelajaran yang berkesan.

Oleh itu, wajarlah bakal guru mempunyai pengetahuan mengenai salah satu daripada kemahiran yang diperlukan dalam pengajaran iaitu kemahiran peneguhan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa bakal guru PBMP telah mengetahui tentang kemahiran peneguhan dan perkara ini membuktikan bahawa objektif pertama kajian ini tercapai sekaligus memperlihatkan mereka bersedia melaksanakan pengajaran yang tidak membosankan kepada murid di sekolah suatu hari nanti.

### **Kesedaran Bakal Guru PBMP terhadap Aplikasi Kemahiran Peneguhan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kesusasteraan (KM)**

Bagi objektif kedua pula, berdasarkan analisis data, didapati bahawa tahap kesedaran bakal guru terhadap aplikasi kemahiran peneguhan adalah pada tahap tinggi. Hal ini adalah berdasarkan jumlah min keseluruhan bagi objektif kedua = 4.36. Berdasarkan dapatan kajian, majoriti bakal guru menyedari bahawa aplikasi kemahiran peneguhan dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu adalah sesuatu yang dapat mengubah tingkah laku murid ke arah yang lebih positif. Hal ini selari dengan kajian oleh Ngu Mee Kok (2012) yang mendapati bahawa responden iaitu murid telah menunjukkan perubahan dari segi tingkah laku negatif dalam kelas kepada yang positif ekoran penggunaan kaedah ganjaran dan hukuman dan meningkatkan minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian ini juga selari dengan dapatan yang diperoleh Jamalullail et. al. (2013) iaitu selepas pelaksanaan peneguhan negatif, murid masih bertingkah laku negatif, namun terdapat perubahan tingkah laku ke arah yang lebih baik.

Selain itu, bakal guru turut menyedari bahawa kemahiran peneguhan dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu dapat meningkatkan minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran. Dapatan ini selari dengan dapatan yang diperoleh Suzana dan Jamil (2011) menunjukkan bahawa perhatian dan minat murid telah ditingkatkan kerana guru memahami bahawa maklum balas serta merta penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian, perhatian dan soalan yang diajukan murid semasa pengajaran dan pembelajaran merupakan sesuatu yang menunjukkan peningkatan minat murid semasa pengajaran dan pembelajaran.

Bukan itu sahaja, dapatan kajian mendapati bakal guru menyedari bahawa aspek kemahiran peneguhan dapat meningkatkan komunikasi dua hala antara murid dan guru. Hal ini selari dengan dapatan kajian Jefridin (2012) yang mendapati bahawa bagi maklum balas, kesan maklum balas guru telah menyebabkan murid mula memberi respon apabila guru berupaya mengesan kelemahan murid. Hal ini menunjukkan bahawa, komunikasi yang berkesan melalui maklum balas peneguhan yang dijalankan oleh guru meningkatkan komunikasi dua hala antara kedua-dua pihak.

Oleh yang demikian, objektif kedua kajian ini juga menunjukkan bahawa kesedaran bakal guru PBMP terhadap aplikasi kemahiran peneguhan dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu adalah memberangsangkan. Dapatan ini juga selari dan disokong oleh kajian-kajian yang berkaitan dengannya.

## **Kesediaan Bakal Guru PBMP terhadap Aplikasi Kemahiran Peneguhan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kesusasteraan Melayu (KM)**

Secara keseluruhannya, kajian mendapati bahawa tahap kesediaan bakal guru PBMP untuk mengaplikasikan kemahiran peneguhan dalam pengajaran dan pembelajaran adalah tinggi berdasarkan jumlah min keseluruhan bagi objektif ketiga iaitu = 4.21. Hal ini dibuktikan dengan kesediaan mereka untuk memberi peluang kepada murid menyuarakan pendapat tentang maklum balas yang diberikan. Walaupun tiada dapatan kajian lepas yang menjurus ke arah objektif ketiga ini, kesediaan para bakal guru dalam melaksanakan kemahiran peneguhan akan memberi kesan terhadap proses pengajaran di dalam bilik darjah. Oleh itu, hasil dapatan ini selari dengan dapatan kajian Jefridin (2012) yang mendapati bahawa maklum balas yang diperoleh berdasarkan respon murid yang tidak menyuarakan pendapat mahu pun bertanyakan soalan menunjukkan tahap kefahaman murid.

Oleh yang demikian, kesediaan bakal guru yang tinggi untuk mengaplikasikan kemahiran peneguhan dalam pengajaran dan pembelajaran akan menggalakkan pemahaman murid. Kesediaan guru yang tinggi juga menunjukkan bahawa bakal guru sentiasa bersedia dengan pelbagai ilmu untuk diintegrasikan dalam pengajaran dan pembelajaran nanti.

Selain itu, dapatan kajian ini juga mendapati bahawa bakal guru PBMP turut bersedia untuk memberikan tugas susulan kepada murid berkenaan topik yang dipelajari. Pemberian kerja rumah dan markah dapat meningkatkan kefahaman murid dan motivasi murid untuk belajar. Hal ini selari dengan dapatan kajian Nurul Ain dan Azizi (2012) yang mendapati bahawa faktor pemberian gred mempengaruhi motivasi intrinsik seseorang murid. Secara tidak langsung, dapatan ini memperlihatkan situasi yang membolehkan murid memberikan maklum balas yang baik seterusnya meningkatkan pencapaian murid lebih cemerlang dalam akademik.

### **CADANGAN**

Berdasarkan hasil dapatan serta perbincangan yang diperoleh mengenai kajian ini, dapatlah disimpulkan bahawa aplikasi kemahiran peneguhan dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu bakal guru PBMP adalah memberangsangkan dari sudut pengetahuan, kesedaran dan kesediaan. Hal ini memenuhi tuntutan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan Huraian Sukatan Pelajaran yang perlu merangkumi pengajaran bermula dengan aktiviti set induksi dan diakhiri dengan aktiviti peneguhan bagi menilai perubahan tingkah laku serta prestasi murid.

Oleh itu, berdasarkan dapatan kajian, pengkaji mencadangkan beberapa langkah yang perlu diambil berat oleh pihak tertentu yang terlibat dalam pelaksanaan kemahiran peneguhan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Sebagai seorang bakal guru, pengkaji mencadangkan golongan ini diberi peluang lebih luas untuk melihat pelaksanaan konsep peneguhan yang dijalankan oleh guru-guru berpengalaman. Perkara ini dapat dijalankan menerusi aktiviti lawatan ke sekolah-sekolah yang menempatkan guru berpengalaman melaksanakan kemahiran peneguhan.

Menerusi aktiviti sebegini, pengetahuan bakal guru bukan hanya terhad melalui pembelajaran yang diperoleh dalam kuliah berdasarkan pengajaran mikro mata pelajaran Kesusasteraan Melayu oleh rakan lain sahaja, malah pengetahuan yang diperoleh lebih meluas dan mendalam. Hal ini sekali gus memberikan kefahaman kepada bakal guru cara pelaksanaan kemahiran peneguhan yang berkesan terhadap murid pelbagai tahap kecerdasan.

Selain itu, bakal guru juga seharusnya diberi peluang mengikuti kursus khas bagi meneroka kemahiran peneguhan dengan lebih mendalam. Pengkaji percaya, sekiranya peluang ini diberikan kepada bakal guru, pengetahuan, kesedaran dan kesediaan bakala guru terhadap aplikasi kemahiran peneguhan akan lebih positif dan kreatif.

Pihak universiti pula selaku organisasi yang menaungi bakal guru PBMP sewajarnya lebih meningkatkan kepekaan terhadap penguasaan bakal guru ini dalam kemahiran mengajar selain usaha khusus yang dilaksanakan oleh fakulti. Pihak universiti dicadangkan untuk membuka lebih banyak peluang dan mengurangkan kerenah birokrasi dalam usaha meluluskan program yang memerlukan bakal guru meneroka ilmu secara praktikal di sekolah bagi memenuhi tuntutan subjek-subjek tertentu.

Pelajar-pelajar khususnya bakal guru memerlukan pendedahan bukan sahaja secara teori, tetapi juga pendedahan praktikal di sekolah-sekolah berhampiran universiti bagi mengaplikasikan kemahiran-kemahiran yang sedang dan telah dipelajari sebelum bersedia menjalani Latihan Mengajar Industri. Hal ini kerana, pengaplikasian kemahiran semasa dalam tempoh pembelajaran adalah lebih berkesan kerana bakal guru dapat melihat sendiri kesilapan dan tindakan yang sewajarnya dilaksanakan dalam situasi tertentu di dalam bilik darjah.

Selain itu, seiring dengan iltizam pihak universiti untuk menyediakan dan mengusahakan peningkatan secara berterusan dalam aspek yang berkaitan dengan pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan profesional sejajar dengan piawaian dan amalan terbaik yang diterima guna pada peringkat antarabangsa, pengkaji mencadangkan agar lebih banyak bengkel, seminar atau kursus khas dianjurkan bagi memperkasa kemahiran mengajar khususnya kemahiran peneguhan dan pengukuhan yang berkesan dalam kalangan bakal guru.

Dengan pelaksanaan program sebegini, dapatlah memperlihatkan usaha dan komitmen pihak universiti untuk melakukan peningkatan yang berterusan dalam aspek pengajaran dan pembelajaran pelajar di bawah kelolaannya.

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, dapatan kajian telah membuktikan bahawa majoriti bakal guru PBMP mempunyai pengetahuan yang baik terhadap kemahiran peneguhan dalam pengajaran dan pembelajaran. Bukan itu sahaja, kebanyakan bakal guru PBMP juga memiliki kesedaran dan kesediaan yang memberangsangkan bagi melaksanakan kemahiran peneguhan dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu (KM). Sebagai seorang yang bakal bergelar guru, melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran dalam pengajaran merupakan perkara utama yang harus dititikberatkan. Justeru, kemahiran sedia ada yang dimiliki haruslah sentiasa diperbaiki dari semasa ke semasa. Transformasi dalam bidang pendidikan hari ini jelas menuntut para guru untuk sentiasa bersedia dan mahir dengan pelbagai kemahiran utama dan kemahiran lain bagi meninovasikan pengajaran dan pembelajaran. Justeru, selepas kajian ini dijalankan, diharapkan agar penguasaan bakal guru terhadap aplikasi kemahiran peneguhan dalam pengajaran dan pembelajaran KM dapat diperluas dan ditingkatkan. Oleh itu, semua pihak yang terlibat dalam memperkasakan kemahiran yang harus dikuasai oleh bakal guru ini seharusnya lebih peka bagi memastikan bakal guru yang dilahirkan oleh institusi pendidikan adalah bakal guru yang kompeten dan berdaya saing dalam menghadapi cabaran dunia pendidikan hari ini.

## RUJUKAN

- Ab. Halim dan Mohamad Khairul Azman. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2 (1), 43-56.
- Jamalullail Abdul Wahab, Azlin Norhaini Mansor, Mohd Mahzan Awang & Norazlina Mohamad Ayob. (2013). Managing Learners' Behaviours in Classroom through Negative Reinforcement Approaches. *Asian Social Science*, 9 (16), 61-73.
- Jefridin Pilus. (2012). Kesan Maklum Balas Guru Semasa Pengajaran dan Pengajaran Bahasa Arab di dalam Bilik Darjah terhadap Tingkah Laku Pelajar. *Kertas Kerja untuk Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012*. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamilia Sindiong Mohd Sany. (2012). *Hubungan Antara Pengajaran Mikro dengan Tahap Keyakinan Mengajar dalam Kalangan Guru Pelatih UTHM*. Penulisan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn.
- Khairul Anwar Abu Bakar. (2014). *Tahap Kesediaan Guru Pelatih Institut Pendidikan Guru dalam Latihan Mengajar*. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn.
- Mohamad Khairudin Bajuri, Rohaida Mohamad Saat, M. Y. Zulkifli Mohd Yusof, Noor Naemah Abdul Rahman & Durriyyah Sharifah Hasan Adli. (2014). Pendekatan Peneguhan bagi Aktiviti Hafalan Al-Quran dalam kalangan Pelajar di Peringkat Menengah Rendah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari Universiti Sultan Zainal Abidin*, 8, 113-135.
- Mohammad Yusof dan Nurul Izzah. (2010). *Persepsi Pelajar Aliran Sains Tahun Dua Fakulti Pendidikan dari Segi Sikap, Minat dan Persekitaran Pembelajaran yang Positif Sebelum Menjalani Latihan Mengajar*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Najib Abdul Ghafar. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal selidik Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Nurul Ain Hamsari dan Azizi Yahaya. (2012). Peranan Motivasi Pembelajaran, Gaya Keibubapaan dan Sikap dengan Pencapaian Akademik. *Journal of Education Psychology & Counselling*, 5, 30-57.
- Rozaiman, Zamri, Noor Izam & A. Rahman. (2011). Pengetahuan Teknologikal Pedagogikal Kandungan Kesusasteraan Melayu: Peranan Guru Sastera dalam SPN 21. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (2), 85-98.
- Suzana Abd. Mutalib dan Jamil Ahmad. (2011). Amalan Guru Geografi dalam Memberi Maklum Balas Pentaksiran Formatif. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 36 (2), 43-51.
- University Of Reading. (2009). *Feedback Audit Tool*. [https://www.reading.ac.uk/web/FILES/EngageinFeedback/final\\_audit\\_tool\\_28\\_05\\_09.pdf](https://www.reading.ac.uk/web/FILES/EngageinFeedback/final_audit_tool_28_05_09.pdf) dicapai pada 27 Mei, 2015.

V. Arsaythamby dan A. Mary. (2013). Kesan Peneyeliaan Klinikal Terhadap Prestasi Pengajaran Guru Sekolah Menengah. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 28, 81-102.